

# UMS kini berstatus autonomi

DE 6.10.2010 3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima pengiktirafan status autonomi daripada Menteri Pendidikan Dr Maszlee Malik, Khamis lepas.

Dengan pengiktirafan itu, UMS berada pada tahap yang sama dengan semua 20 universiti awam lain yang kini berstatus autonomi, kata Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat dalam satu kenyataan.

"Taksiran untuk pengiktirafan itu telah dilaksanakan secara berperingkat sejak 2013. Penilaian telah dibuat terhadap empat sektor – pentadbiran, pengurusan akademik, pengurusan sumber manusia dan kewangan," katanya dalam satu kenyataan.

"Di bawah status autonomi, kuasa membuat keputusan telah diturunkan daripada agensi pusat kepada Lembaga

Pengarah Universiti untuk membolehkan UMS berkembang dengan lebih berkesan."

Status itu juga membolehkan UMS lebih fleksibel dalam menentukan tujuan serta pelaksanaan beberapa perkara.

"Bagaimanapun, pengurusan universiti masih perlu mematuhi peraturan, strategi dan dasar kerajaan dan kementerian kerana statusnya bukan bersifat mutlak.

"Selaras dengan pengiktirafan itu, fungsi Lembaga Pengarah Universiti akan diperkukuhkan lagi untuk memastikan sumber-sumber diuruskan dengan penuh integriti dan akauntabiliti.

"Status itu adalah satu tanggungjawab yang perlu dipikul oleh semua pihak di UMS dan mereka harus bekerja keras bagi memastikan universiti mematuhi kriteria itu," katanya.